

PM bersyukur kemenangan besar calon proaspirasi kerajaan di IPTA

UM - 7 SEP 2003

CYBERJAYA 6 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersyukur dengan kemenangan besar calon-calon proaspirasi kerajaan di 15 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menandakan kebangkitan semula para penuntut yang amanah dan bertanggungjawab.

Bagaimanapun, Perdana Menteri meminta semua pelajar menghentikan kegiatan politik kepartian kerana ia membazirkan wang rakyat yang sepatutnya boleh digunakan untuk memajukan masyarakat luar bandar.

“Alhamdulillah (dengan kemenangan calon-calon proaspirasi kerajaan) tetapi kita punya pandangan semasa berada di universiti, kalau ada pun politik biarlah berkaitan politik dalaman universiti sahaja.

“Kita belanja wang yang cukup banyak untuk hantar mereka ke universiti (jadi) jika mereka tidak menumpukan kepada pelajaran, mereka hanya membazirkan wang negara sahaja,” tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan sembilan ahli dan wakil Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai kemenangan besar calon-calon proaspirasi kerajaan di 15 daripada 17 IPTA pada pilihan raya kampus 2003/2004.

Kemenangan calon-calon itu disifatkan sebagai petanda bahawa para pelajar IPTA masih yakin terhadap ketelusan dan keterbukaan kepimpinan negara.

Perdana Menteri berkata, para pelajar tidak harus membazirkan wang negara yang dikutip daripada rakyat kerana wang itu boleh dibelanjakan

untuk membangunkan orang kampung atau kawasan luar bandar.

“Perbelanjaan negara yang paling besar sekali ialah untuk pelajaran dan yang terbesar sekali dalam bidang itu pula ialah perbelanjaan universiti.

“Tetapi kita dapati ada penuntut yang lebih utamakan politik di luar, mereka tidak belajar tetapi bila ada kempen, mereka juga keluar kempen, sanggup cakap bohong, cakap menipu, sanggup fitnah... Ini amat mendukacitakan,” ujarinya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau yakin para penuntut yang berkongsi

aspirasi kerajaan merupakan golongan bertanggungjawab yang mahu belajar dan tidak suka diganggu oleh politik menghasut anjuran parti-parti pembangkang.

“Saya dapati mereka yang menyokong aspirasi kerajaan itu kebanyakannya menumpukan kepada pelajaran,” tegasnya.

Ditanya sama ada kemenangan calon-calon tersebut menandakan pemulihan sokongan rakyat terhadap kerajaan, Perdana Menteri berkata, rakyat akan menyokong kerajaan sekiranya tidak dihasut oleh pihak pembangkang.